

AAB

Mahathir - Pembangunan '''

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kurang faham kenapa kebanyakan penduduk di bandar-bandar menolak Barisan Nasional dalam pilihan raya sedangkan banyak pembangunan dijalankan untuk mereka.

Perdana Menteri berkata penduduk bandar seharusnya berterima kasih kerana mendapat segala bentuk kemudahan seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air serta hidup lebih selesa berbanding dengan penduduk luar bandar.

+Saya tidak tahu apa lagi yang mereka kehendaki kerana kita telah memberikan bermacam-macam kemudahan,+ katanya pada satu perhimpunan rakyat sebagai mengakhiri lawatan lima jam ke sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Bandar Tun Razak di sini

+Saya harap penduduk bandar akan membalas budi kita dan mereka tidak harus menolak orang yang sentiasa berusaha menolong mereka,+ katanya.

Isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu, beberapa orang timbalan menteri dan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar, turut hadir. -- Lagi AAB

Mahathir - Pembangunan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha mendirikan tempat tinggal yang selesa, meningkatkan peluang perniagaan, memperluaskan peluang pekerjaan serta menjalankan pelbagai cara lain untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Beliau mengambil Bandar Tun Razak sebagai contoh yang dahulunya merupakan perkampungan setinggan tetapi kini membangun pesat dengan pelbagai kemudahan untuk keselesaan hidup penduduknya.

Perdana Menteri berkata harga rumah di kawasan itu telah meningkat dua kali ganda sejak dibeli oleh penduduk dan ini mencerminkan peningkatan taraf hidup mereka serta ekonomi negara.

+Kerajaan secara langsung menolong rakyat mendapatkan kekayaan dan kita tengok kebanyakan rumah walaupun di kawasan setinggan mempunyai kereta, berbilik-bilik serta mempunyai pelbagai peralatan rumah,+ katanya.

Beliau berkata kerajaan berharap semua kawasan setinggan, terutama di bandaraya ini menjadi lebih cantik. -- Lagi

AAB

Mahathir - Pembangunan 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir memulakan lawatan dengan merasmikan pasar berharga \$1.3 juta di Air Panas, Setapak, dalam kawasan pilihan raya Parlimen Titiwangsa.

Sungguhpun beliau tidak dijadualkan berucap, Perdana Menteri tidak menghampakan deribu-ribu orang penduduk yang hadir pada majlis itu walaupun hujan turun renyai-renyai.

+Kerajaan berjanji akan membantu peniaga-peniaga kecil di seluruh negara dengan menyediakan tempat berniaga seperti pasar ini,+ katanya.

Sebanyak \$50 juta telah disediakan untuk membantu peniaga kecil, kata beliau, tetapi tidak menghurai lebih lanjut.

Beliau kemudian merasmikan Fasa 1C dan 3B Projek Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Batu Enam, Gombak, dalam kawasan pilihan raya Parlimen Batu.

Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri memasuki rumah seorang pekerja DBKL, Encik Salim Baba, 29, di tingkat bawah Rumah Pangsa +Sri Langkawi+ dan bermesra dengan keluarga berkenaan.

Beliau kemudian naik ke tingkat satu dan berdiri di anjung tengah untuk berucap, juga di luar jadual. -- Lagi

AAB

Mahathir - Pembangunan 4 Kuala Lumpur

Katanya, kerajaan mendirikan projek perumahan awam seperti itu untuk membolehkan rakyat berbilang kaum hidup rukun damai.

Menurutnya, walaupun DBKL terpaksa membelanjakan \$25,000 untuk mendirikan setiap unit rumah kos rendah di kawasan itu namun ia menjualkannya dengan harga \$22,000.

+Ini adalah satu daripada komitmen kerajaan untuk berusaha mengadakan seberapa banyak rumah untuk rakyat sama ada di Kuala Lumpur atau di seluruh negara,+ katanya.

Beliau kemudian melancarkan pembinaan sebuah fasa dalam projek perumahan Bandar Menjalara dalam kawasan pilihan raya Parlimen Kepong sebelum merasmikan sebuah projek rumah kedai di Jalan Kuchai Lama dalam kawasan pilihan raya Parlimen Sungai Besi.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita pada akhir lawatan itu di Bandar Tun Razak bahawa beliau gembira dengan sambutan meriah yang diberikan oleh rakyat.

+Insyallah dengan kerja kuat parti-parti komponen Barisan Nasional dan perasaan rakyat tentang kerja-kerja yang kerajaan lakukan, saya yakin kita akan mencapai kejayaan,+ katanya. -- Bernama